

**PERANAN SASTERAWAN DALAM SURAH AL-SHU'ARA'  
MENURUT DR. TALIB SAMAT**

**[THE ROLE OF LITERATURE WRITER IN SURAH AL-SHU'ARA'  
ACCORDING TO DR. TALIB SAMAT]**

AHMAD ZAHIRUDDIN MOHD ZABIDI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Institut Islam Hadhari, Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: zahiruddin zabidi@gmail.com

---

*Received: 12 Jan 2021*

*Accepted: 20 February 2021*

*Published: 31 March 2021*

---

**Abstrak:** Islam tidak pernah memisahkan apa sahaja elemen dalam kehidupan manusiawi daripada panduan al-Qur'ān dan al-Sunnah sama ada secara nyata (*qat'ī*) atau secara tidak langsung termasuk dalam bab kesenian. Antara pecahan daripada kesenian adalah seni kesusasteraan yang menyangkut kepada kesenian melalui penulisan kreatif sama ada berbentuk syair, puisi, cerpen, novel, drama pentas dan esei. Individu yang menghasilkan karya kesusasteraan selain dikenali sebagai penulis dan pengarang, mereka juga lebih dikenali sebagai sasterawan. Berpandukan Sūrah al-Shu'arā', ayat 221-227 tulisan ini menghuraikan kedudukan para sasterawan di sisi agama Islam dan apa yang boleh dan tidak boleh dalam mereka menghasilkan karya seni mereka itu. Daripada ciri-ciri yang dinyatakan oleh Allah dalam ayat tersebut, perbandingan dibuat bagi menganalisis pandangan Dr. Talib Samat mengenai kesusasteraan berdasarkan penulisan-penulisan beliau yang terpilih.

**Kata Kunci:** sasterawan, sastera, Talib Samat, Surah al-Shu'arā'.

**Abstract:** Islam has never separated any element in human life from the guidance of al-Qur'ān and al-Sunnah either explicitly (*qat'ī*) or indirectly included in the chapter of art. Among the fractions of the arts is the art of literature which deals with the arts through creative writing whether in the form of poetry, poems, short stories, novels, stage dramas and essays. Individuals who produce literary works in addition to being known as writers and authors, they are also better known as literary figures. Guided by Surah al-Shu'arā', verses 221-227 of this article describe the position of the writers in terms of Islam and what can and cannot be done in them to produce their works of art. From the characteristics stated by Allah in the verse, a comparison is made to analyze the views of Dr. Talib Samat on literature based on his selected writings.

**Keywords:** writer, literature, Talib Samat, Surah al-Shu'arā'.

**Cite This Article:**

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi (2021). Peranan sasterawan dalam surah al-Shu'ara' menurut Dr. Talib Samat [The role of literature writer in surah al-Shu'ara' according to Dr. Talib Samat]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(1), 27-39.

## PENGENALAN

Yusuf al-Qaradhawi (1999) mengulas mengenai hukum menulis karya-karya sastera dalam buku beliau *Seni Dalam Islam*. Beliau mengulas mengenai kesusasteraan bangsa Arab yang memang menjadikan bahasa yakni syair dan puisi sebagai satu lambang kemegahan kebudayaan mereka. Dalam mukadimah buku tersebut, al-Qaradhawi menyatakan bahawa Islam tidak bertentangan dan anti kepada keindahan kesenian yang pelbagai termasuk sastera, menurut beliau:

... Seni sastera, satu bidang yang sememangnya dikuasai oleh orang Arab semenjak dahulu. Mereka kemudian menggabungkannya dengan kesusasteraan luar yang dipelajari oleh mereka. Al-Qur'an sendiri merupakan kemuncak bagi seni sastera. Bagi sesiapa yang dapat menjiwai al-Qur'an, membaca dan mendengar al-Qur'an ia merupakan ia merupakan santapan rohani yang tidak dapat ditandingi oleh sesuatu pun (al-Qaradhawi 1999: xii).

Al-Qaradhawi malah pernah ditanyakan secara khususnya mengenai penulisan sastera berunsurkan Islam berbentuk novel dan drama yang dinisbahkan oleh sesetengah ulama sebagai satu penipuan di sisi syarak disebabkan berlakunya rekaan-rekaan tema, watak dan perwatakan, latar, plot, dialog dan gaya bahasa dalam penulisan kedua genre tersebut. Persoalan ini telah dijawab oleh al-Qaradhawi dengan katanya:

Perkara ini sebenarnya bukanlah merupakan satu pembohongan yang dilarang. Ini kerana pembaca atau pendengar sendiri mengetahui bahawa itu bukanlah satu khabar (pemberitahuan) tentang sesuatu perkara yang berlaku di alam nyata. Ia seolah-olah pertuturan yang dituturkan oleh haiwan-haiwan dan burung-burung seperti dalam cerita-cerita animasi. Jadi ia merupakan gambaran seni dan ungkapan yang diucapkan oleh watak tersebut. Al-Qur'an juga menceritakan gambaran tentang percakapan semut dan burung hud-hud di hadapan Nabi Sulaiman a.s. Apa yang pasti kedua-dua makhluk tersebut tidak bercakap di dalam bahasa Arab tetapi al-Qur'an menterjemahkan percakapan kedua-duanya berdasarkan situasi tersebut (al-Qaradhawi 1999: 17).

Al-Qaradhawi juga menjelas beliau sendiri pernah terlibat dalam menulis karya sedemikian semasa mudanya iaitu dua buah skrip drama berlatarkan sejarah. Yang pertama drama berbentuk puisi mengenai Nabi Yusuf a.s. yang ditulis semasa beliau di tahun pertama pengajian di Universiti al-Azhar dan yang kedua, sebuah skrip drama pentas yang diadaptasi daripada kisah sejarah seorang raja yang zalim bernama Hajjaj bin Yusuf al-Tsaqafi dan ulama bernama Sa'id bin Jubayr r.h. Naskhah tersebut diberi judul "Ulama dan Si Zalim" (al-Qaradhawi 1999: 17-18).

Namun di sana, sasterawan tetap seorang manusia yang terdedah kepada kemungkaran dalam tindakan dan karyanya, lebih teruk lagi apabila proses pengkaryaan mereka melibatkan elemen-elemen ghaib seperti bantuan jin dan iblis. Menurut M. Quraish Shihab (2010) seorang ulama tafsir komtemporari dari Indonesia dalam sebuah bukunya berjudul *Setan dalam Al-Qur'an*, beliau

meletakkan satu bab khusus berjudul *Setan dan Sastra*. Beliau mendatangkan beberapa cuplikan daripada kitab-kitab para ulama dan sasterawan mengenai pernyataan mereka terhadap para penyair yang mendapatkan pertolongan jin, iblis dan syaitan dalam mengubah karya mereka. Beliau memetik sebuah syair daripada seorang sasterawan yang bernama Abū al-Najm al-Faḍl ibn Qudamah al-Ajali (m. 130H) yang bermaksud: Sesungguhnya, aku dan semua penyair manusia mempunyai syaitan. Syaitan mereka betina sedangkan syaitan aku adalah jantan.

Al-Farazdaq, seorang penyair yang hidup dalam lingkungan tahun 641-733H percaya bahawa dua jenis syaitan yang mengilhami para penyair. Yang pertama bernama *al-Haujal*, yang mencipta dan mengilhamkan syair-syair indah manakala yang kedua adalah *al-Huwayr*, yang mengilhami syair-syair tidak bermutu. Lebih menarik, jin-jin dan syaitan juga sama ada dengan gabungan manusia atau daripada diri mereka sendiri banyak mencipta syair-syair. Ini dirakamkan dalam sebuah kitab berjudul *Akam Al-Marjan*, ini termasuk juga para jin Islam. Malah dalam kitab tersebut dirakamkan contoh syair belasungkawa daripada para jin Islam atas kematian para sahabat besar Rasulullah ﷺ seperti Abu Bakr al-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan, Husayn bin Ali bin Abi Talib dan lain-lain (M. Quraish Shihab 2010).

Ini membawa maksud bahawa, seorang sasterawan boleh sahaja berkarya kerana ia tidak salah di sisi hukum syarak namun dalam masa yang sama, mereka juga terdedah kepada sebarang proses dan hasil karya yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti terlibat dengan kuasa-kuasa ghaib khususnya daripada jin dan iblis dalam berkarya.

## KEDUDUKAN PENYAIR DALAM AL-QUR'AN

Dalam al-Qur'ān, ada sebuah surah yang dinamakan *al-Shu'arā'* yang bermaksud 'Para Penyair'. Ia merupakan kata jamak kepada *al-Shā'ir*. Surah ini adalah surah ke-26 dalam susunan mushaf Uthmani dan terdiri daripada 227 ayat, ia juga merupakan surah Makiyyah. Bermula daripada ayat 221-227 Allah ﷻ mengfokuskan secara khusus mengenai para penyair sehingga membawa kepada sebab di mana surah ini dinamakan *al-Shu'arā'* (HAMKA 1982: 54, 168).

Para penyair itu mempunyai sifat-sifat yang jauh berbeda dengan para rasul; mereka diikuti oleh orang-orang yang sesat dan mereka suka memutar balikkan lidah dan mereka tidak mempunyai pendirian, perbuatan mereka tidak sesuai dengan tidak mempunyai pendirian, perbuatan mereka tidak sesuai dengan apa yang mereka ucapkan. Sifat-sifat yang demikian tidaklah sekali-kali terdapat pada rasul-rasul. Oleh karena demikian tidak patut bila Nabi Muhammad ﷺ dituduh sebagai penyair, dan al-Qur'ān dituduh sebagai syair, al-Qur'an adalah wahyu Allah, bukan buatan manusia. Firman Allah ﷻ:

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ (٦٩)

Maksudnya: (Nabi Muhammad bukanlah penyair) dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya, dan kepandaian bersyair itu pula tidak sesuai baginya. Yang Kami wahyukan kepadanya itu tidak lain melainkan nasihat pengajaran dan Kitab Suci yang memberi penerangan (al-Quran, Surah Yā Sīn 36: 69).

Menurut HAMKA (1982: 168) dalam *Tafsir Al-Azhar*, penyair dalam terjemahan moden boleh dinisbahkan kepada seniman, dan seniman pula terdiri daripada pelbagai cabang

pengkhususan seni; seni lukis, seni pahat, seni suara dan seni sastra. Penyair termasuk seni sastra, disebut juga Sasterawan. Boleh difahami menurut pentafsiran HAMKA, Surah *al-Shu'arā'* khususnya ayat 221-227 adalah dituju kepada para sasterawan, dan pastinya sasterawan adalah sesiapa sahaja yang menulis puisi, sajak, syair, gurindam, pantun, cerpen, novel, drama, skrip dan lain-lain aktiviti penulisan yang menitikberatkan nilai keindahan pada bahasa dan bentuk tanpa mengabaikan mesej, 'ibrah dan ilmu sesuai dengan tuntutan Islam (HAMKA 1982: 169).

### INTISARI SURAH AL-SHU'ARĀ'

Secara keseluruhan, antara perbincangan utama dalam surah ini ialah tentang pentingkan media massa dan tema-tema utamanya dibahagikan kepada tiga bahagian besar iaitu (Adil Muhammad Khalil 2018: 153-154):

1. Pemaparan ujian-ujian yang menimpa para Nabi dan Rasul. Nabi Musa (ayat 12-17, 29, 37-42, 53-56, 60-61), Nabi Nuh (ayat 116), Nabi Hud (136-138), Nabi Soleh (ayat 157), Nabi Lut (ayat 165-166), Nabi Syuaib (ayat 181-183).
2. Pemaparan mengenai kemudahan-kemudahan yang Allah ﷻ berikan kepada Nabi Muhammad ﷺ (ayat 192-212).
3. Pemaparan tugas-tugas penting yang Allah ﷻ perintahkan kepada Rasulullah ﷺ (ayat 213-220).

### KETERANGAN AYAT 221-227

Allah ﷻ memberikan perhatian khas kepada para penyair, hal ini boleh dilihat sebagai satu pengiktirafan kepada para penyair dalam sesebuah masyarakat khususnya masyarakat Arab pada ketika itu, dalam masa yang sama ia didahului oleh amaran-amaran terhadap para penyair (baca sasterawan) ini. Fokus khas ini terakam dalam ayat 221-227 surah tersebut. Allah menyatakan dalam surah tersebut bermula daripada enam ayat terakhir:

هَلْ أُنْتِظَمُ عَلَىٰ مَنْ تَنَزَّلُ الشَّيَاطِينُ (٢٢١) تَنَزَّلُ عَلَىٰ كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ (٢٢٢) يُلْعَوْنَ السَّمْعَ وَأَكْتَرُهمْ كَذِبُونَ (٢٢٣) وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ (٢٢٤) أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَمِيمُونَ (٢٢٥) وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ (٢٢٦) إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ (٢٢٧)

Maksudnya: Mahukah, Aku khabarkan kepada kamu, kepada siapakah syaitan-syaitan itu selalu turun? (221) Mereka selalu turun kepada tiap-tiap pendusta yang berdosa, (222) Yang mendengar bersungguh-sungguh (apa yang disampaikan oleh syaitan-syaitan itu), sedang kebanyakan beritanya adalah dusta. (223) Dan ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat tidak berketentuan hala. (224) Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-

angan kosong)? (225) Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya? (226) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu) dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali. (227)

Ibn Kathir (701-774) mentafsirkan secara panjang lebar mengenai enam ayat terakhir ini. Hal ini berlaku apabila ada tuduhan daripada pihak kafir Quraysh yang mengatakan bahawa al-Qur'an adalah rekaan Nabi Muhammad ﷺ sendiri atau diperolehi daripada jin-jin. Justeru Allah menjawab pertuduhan mereka dan menyucikan Baginda daripada tuduhan tersebut. Pada ayat 221 dan 222, Allah bertanya dan menjawab persoalan sebenarnya kepada siapakah syaitan-syaitan (yang mencuri dengar rahsia langit) turun dan bocorkan rahsia langit. Disebutkan mereka turun kepada pendusta yang banyak dosa. Ibn Kathir menyatakan mereka adalah dukun-dukun, para pendusta yang fasik dan sejenis dengan mereka kerana sifat syaitan juga begitu (Abdullah bin Muhammad 2008: 439-440).

يُلْقُونَ السَّمْعَ وَأَكْتَرُهُمْ كَذِبُونَ (٢٢٣)

Maksudnya: ... Mereka menghadapkan pendengaran (kepada syaitan) itu, dan kebanyakan mereka adalah para pendusta. (223)

Pada ayat 223, Ibn Kathir berkata 'mereka menghadapkan pendengaran' adalah mereka mencuri dengar daripada langit iaitu sebahagian daripada hal-hal ghaib kemudian ditambah pula dengan 100 pendustaan mereka sendiri, kemudian hal-hal tersebut diceritakan kepada wali-wali (pengantara, dukun dan bomoh) kepada manusia (Abdullah bin Muhammad 2008: 439-440). Ini bersesuaian dengan sebuah hadith sebagaimana berikut:

Aisyah r.ha pernah berkata, para sahabat bertanya kepada Nabi ﷺ tentang dukun. Lalu Baginda bersabda, "Mereka bukan apa-apa." Sahabat bertanya lagi, "Ya Rasulullah, mereka terkadang menyatakan sesuatu yang benar!" Maka Nabi ﷺ bersabda, "Kalimah itu adalah sebahagian daripada kebenaran yang dicuri oleh jin, kemudian dibisikkan ke telinga walinya seperti kokokan ayam. Maka, mereka mencampurkannya dengan lebih 100 pendustaan." (HR al-Bukhari sebagaimana dinukilkan oleh Ibn Kathir)

Dalam pentafsiran ayat sebelumnya, diterangkan bagaimana syaitan pada masa sebelum dilarang, bebas bagi naik turun ke langit dan sentiasa mencuri dengar berita serta maklumat di sana. Kemudian mereka pula menyampaikan kepada 'sahabat-sahabat' mereka di bumi daripada kalangan manusia yang sesetengah mereka adalah penyair dan ahli nujum. Maka bersenandunglah mereka syair yang bersifat melangkaui masa (*futuristic*) dan apabila benar berlaku sebagaimana yang disenandungkan maka takjublah sekalian orang Arab jāhiliyyah pada masa itu.

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ (٢٢٤)

Maksudnya: Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat.  
(224)

Dalam mentafsirkan ayat 224, Ibn Kathir mendatangkan sebuah kisah berdasarkan hadith Rasulullah ﷺ daripada Abu Sa'ad al-Khudri r.a. yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad r.h., katanya:

Pada saat kami berjalan bersama Rasulullah ﷺ di tangga, tiba-tiba seorang ahli syair bersenandung, maka Rasulullah ﷺ bersabda, 'Tahanlah syaitan itu oleh kalian, kerana penuhnya tenggorakan seseorang itu dengan nanah lebih baik daripada dipenuhi dengan syair.' (Abdullah bin Muhammad 2008: 441)

Kenyataan ini tidak membawa maksud bahawa semua syair dan karya seni sastera adalah haram kerana ada juga hadith-hadith yang menunjukkan Rasulullah ﷺ suka kepada syair malah mempunyai penyair kegemaran Baginda daripada kalangan sahabat. Kitab *Shamā'il Muḥammadiyyah* susunan al-Imām Abū 'Īsā Muḥammad ibn 'Īsā al-Sulamī al-Ḍarīr al-Būghī at-Tirmidhī (209-279H) mempunyai bab khas berjudul *Bāb Mā Jā'a fī Kalāmi Rasūlī 'Llāh ṣalla 'Llahu 'alayhi wasallām fī al-Sha'ra* dan sembilan buah hadith telah diletakkan di bawah tajuk tersebut (Imam Tirmizi 2012: 219-226).

أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَمِيمُونَ (٢٢٥)

Maksudnya: Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah, (225)

HAMKA (1982: 170) menyatakan ayat ini melambangkan bahawa para penyair itu tiada matlamat melainkan hanya bermain dengan kata-kata indah bagi kepentingan khusus yang sementara seperti memuji dan mencela sesiapa yang disuruh. Para penyair ini malah menerima bayaran bagi melagukan syair memuji dan mencela itu. Ini juga sebagaimana yang diungkapkan oleh Hasan al-Basri, "Sesungguhnya demi Allah, kami melihat tempat-tempat mereka beradu, sesekali mereka mencela si fulan dan kemudian mereka memuji seseorang."

وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ (٢٢٦)

Maksudnya: ... dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakan(nya)? (226)

Apa yang tercela adalah apabila Allah mempersoalkan para penyair ini dengan lafaz bermaksud. Ini merupakan sindiran Allah kepada golongan penyair yang hanya tahu berkata-kata namun tidak sesekali membuat apa yang mereka katakan itu. Dalam erti kata lain, mereka mereka dan mencipta dan mendeklamasikan syair mengenai keberanian dan kehebatan di medan perang sedangkan mereka sendiri adalah pengecut dan tidak pernah berani keluar berperang.

Jika diperhatikan daripada ayat 221-226, kesemuanya lima ayat tersebut menyatakan mengenai keburukan para penyair. Boleh difahami berdasarkan ayat-ayat tersebut betapa para penyair (baca: sasterawan) ini amat besar tanggungjawab dan kesan pengaruhnya kepada ummah malah masyarakat dunia keseluruhan. Justeru tidak pelik mengapa bidang sastera menjadi satu daripada lima kategori utama pada awal sejarah permulaan penganugerahan Hadiah Nobel menurut sejarah selain daripada bidang Ekonomi, Fizik, Keamanan, Fisiologi atau Perubatan dan Sastera (Jennifer Rosenberg 2019).

Namun hal-hal itu tidak mutlak dan terbatal apabila para sasterawan itu bersifat dengan sifat sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat 227 yang bermaksud:

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا  
أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ (٢٢٧)

Maksudnya: Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali. (227)

Dengan hadirnya ayat ini jelas yang mana apa yang diutamakan oleh Allah dan Islam, malah kerjaya sebagai penyair atau sasterawan tidak tercela andai mereka melakukan kerja seni demi menjadi apa yang dinyatakan oleh Allah dalam ayat ini. Paling tidak ada empat poin utama dalam pernyataan ayat terakhir ini iaitu, seorang sasterawan itu tidak tercela di sisi Allah jika mereka:

1. Beriman
2. Beramal soleh
3. Banyak menyebut nama Allah
4. Mendapat kemenangan sesudah menderita akibat kezaliman

HAMKA memetik riwayat Ibn Ishaq (85-150H) dengan mendatangi sebuah kisah mengenai para sahabat yang juga penyair. Apabila ayat yang menyebut mengenai para penyair hanya diikuti oleh para pendusta dan orang yang sesat, maka tiga orang sahabat yang merupakan penyair berasa resah dan segera berjumpa dengan Rasulullah dengan beruraian air mata kerana berasakan ayat ini adalah untuk diri mereka. Mereka adalah Abdullah bin Rawahah r.a., Hasan bin Tsabit r.a. dan Kaab bin Malik r.a.:

Mereka kemudian bertanya kepada Rasulullah, “Bukankah kami ini penyair, ya Rasulullah? Bagaimana kami?” (merujuk kepada ayat 224 dan 225), lantas turun sambungan kepada ayat itu yang bermaksud: *Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman* (HAMKA 1983: 171).

## RUMUSAN AYAT 221-227

Ayat-ayat ini membuktikan Rasulullah ﷺ bukan seorang bomoh atau seorang penyair yang mengetahui perkara ghaib atau pandai dalam menciptakan syair. Ini membuktikan al-Qur'an adalah wahyu daripada Allah yang disampaikan kepada manusia melalui perantara utusan-Nya, Nabi Muhammad ﷺ. Seni sastera melalui bahasa dan penulisan pula adalah cabang kesenian yang diperakui oleh Islam kepentingannya. Sementelah beberapa orang sahabat sebagaimana yang disebut di atas juga adalah daripada kalangan penyair/sasterawan. Namun kepenyairan mereka tidak hanya untuk kepuasan nafsu dan imbuhan duniawi semata-mata melainkan kerana Allah ﷻ dan Rasul ﷺ, berbeza dengan matlamat mereka bersyair sebelum mereka masuk Islam atau ketika zaman jahiliah.

Tidak semua jenis syair dan penyair yang dicela oleh Allah ﷻ, apabila penyair bani Tamim datang mencabar umat Islam berlawan syair maka Rasulullah segera meminta Hassan bin Tsabit r.a. supaya menjawab syair-syair mereka. Begitu juga Abdullah bin Rawahah r.a. yang berhasil meingkatkan semangat juang tentera Islam di perbatasan Mukthah ketika bilangan tentera Islam jauh lebih kecil daripada tentera musuh dengan syair yang dilantunkan pada saat-saat kritikal itu, ini pastinya syair dalam kategori diredai oleh Allah ﷻ dan Rasūl-Nya ﷺ.

Namun, penyair-penyair tidak berketentuan hala (isi mahupun bentuk karya) dan tenggelam dalam khayalan liar, fikirannya merantau melangkaui ketentuan dan batas syariat dan hanya pandai berucap yang hebat-hebat namun diri mereka sendiri (kecaman yang sama dalam *Sūrah al-Şaf*, ayat 2-3 terhadap para ulama dan ahli kitab) tidak melakukan seperti yang disarankan dalam syair itu, sudah dijelaskan oleh Allah ﷻ ke mana hala tuju mereka akhirnya pada frasa akhir ayat ke 227 iaitu: Dan orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.

## NUANSA PERIBADI DAN PEMIKIRAN KEISLAMAN DR. TALIB SAMAT

Dr. Talib Samat (1959-2016) ialah seorang sasterawan dan juga warga penerbitan yang kemudian menjadi ahli akademik yang prolifik dari sudut penulisan karya kreatif mahupun karya akademik. Beliau pernah bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), beliau menjawat sebagai profesor madya sehingga beliau meninggal dunia pada 14 April 2016. Beliau menulis dalam pelbagai genre bermula dari puisi, cerpen, novel, esei, rencana, artikel juga karya-karya akademik termasuk buku-buku agama. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang penulisan, beliau memenangi atau dianugerahi dengan pelbagai anugerah dan memenangi pelbagai sayembara sastera.

Dalam artikel yang bertajuk “Hubungan Intim Kesusasteraan dan Agama” (Talib Samat 1993: 254-266) dan “Anti-Teori: Hubungan Agama dan Kesusasteraan” (Talib Samat 1990) memperlihatkan sikap dan pemikiran beliau yang jelas mengenai sastera berunsurkan Islam. Ini tidak asing lagi, meskipun beliau bukan lulusan agama namun pengalaman dan latar belakang kekeluargaan yang kuat agama membentuk jiwa keagamaan beliau malah ini diperkuatkan lagi apabila buku pertama beliau sebagai seorang penulis adalah bertajuk “99 Nama Allah yang Termasyhur” (Talib Samat 2008: 11-14) (Dalam rencana ini beliau menceritakan bagaimana beliau mula menjadi seorang penulis seterusnya mendapat hasil daripada penulisan tersebut dan terus meneroka secara serius dunia penulisan sehingga akhir hayat beliau). Selain daripada itu,



banyak rencana dan artikel ilmiah yang dihasilkan seputar kesusasteraan dan perkaitannya dengan Islam sama ada mengenai penulisan karya berunsur Islam atau pemikiran tokohnya (Talib Samat 2006: 105-110) (Antaranya mengenai artikel-artikel dan biografi tentang Syed Syeikh al-Hadi, Prof. Dr. Zulkifli Muhammad, Ahmad Lutfi, A. Karim Abdullah, Shaharom Husain, Zam Ismail, Mat Kilau dan lain-lain. Lihat Berita Harian, “Sastera Masih Ada Masa Depan”, 14 Jun 2003.).

Dalam satu wawancara dengan majalah *Tunas Cipta*, apabila ditanya siapakah tokoh yang beliau kagumi, Dr. Talib Samat telah menamakan dua nama gergasi dalam dunia pemikiran, penulisan dan kesusasteraan Islam iaitu Imam al-Ghazali dan Prof. Dr. HAMKA. Antara sebabnya adalah kerana kedua tokoh ini adalah antara ‘ulamā’, ilmuwan dan juga sasterawan yang banyak berkarya dan karya mereka ditinggalkan sebagai sebuah legasi ilmu yang masih bermanfaat kepada manusia sehingga hari ini. Beliau menyatakan ingin menulis sebanyak mungkin karya seperti kedua tokoh tersebut dan berbakti kepada manusia tanpa menjadi habuan atau sanjungan duniawi sebagai matlamat utama (Talib Samat 2006: 99-104) (Bab ini berasal daripada wawancara majalah *Tunas Cipta* dengan Dr. Talib Samat bagi terbitan Mac 2005).

Islam juga adalah agama yang meletakkan ilmu di tempat yang tertinggi dalam kehidupan seseorang manusia, demikian mengapa Allah memberikan akal dan wahyu melalui utusan-Nya kepada manusia. Ini juga dibuktikan dengan memahami kalimah yang pertama dalam surah yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhamad ﷺ iaitu “Iqra’” yang bermaksud “Bacalah” (al-Quran, Surah al-‘Alaq 96: 1). Menghayati “budaya ilmu” (Wan Mohd Nor Wan Daud 1997; 2007) sebagai teras utama dalam kehidupan beragama sebagai seorang Muslim adalah satu kewajipan dalam Islam.

Atas dorongan kefahaman memahami kepentingan ilmu dalam Islam itulah, Dr. Talib Samat pada usia 35 tahun memperolehi Ijazah Sarjana Muda menerusi Program Luar Kampus (PLK) di Universiti Sains Malaysia (USM), Penang pada tahun 1994. Beliau kemudian menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana Sastera juga di USM secara sambilan sambil bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), beliau berjaya menamatkannya pada usia 39 tahun dan sudah memiliki lima orang anak. Beliau yang kemudian mendapat tawaran sebagai pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) meneruskan rehlah ilmunya dan berjaya menggendam Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) pada tahun 2005 melalui cuti belajar secara sambilan dalam masa hanya setahun empat bulan dan menambah seorang lagi anak menjadikan enam semuanya (Talib Samat 2006: 99-100).

Jelas sekali daripada latar belakang dan kecenderungan beliau sama ada melalui proses pendidikan dan pengamalan hidup, Dr. Talib Samat adalah seorang yang mempunyai pemikiran yang jelas tentang Islam dan matlamat Islam dalam kehidupan sebagai seorang Muslim termasuk sebagai seorang pengkarya. Tokoh-tokoh yang menjadi rujukan beliau dan tokoh-tokoh yang beliau kaji serta sisi keagamaan dalam penulisan dan kajian-kajian akademik beliau juga sudah cukup memperkuat lagi betapa nuansa peribadi dan pemikiran keislaman Dr. Talib Samat adalah tidak perlu diragukan lagi, beliau malah menterjemahkannya bukan sahaja dalam penulisan-penulisan beliau namun dalam kehidupannya pada hari ini sebagai seorang pensyarah sekali gus pendidik di UPSI dalam bidang kesusasteraan moden untuk agama, bangsa dan negara.

**PERANAN SASTERAWAN MUSLIM MENURUT DR. TALIB SAMAT**

Dalam esei berjudul “Hubungan Intim Kesusasteraan dan Agama” yang memenangi Sayembara Penulisan Esei Ilmiah (Sastera) anjuran Persatuan Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dan DBP pada tahun 1991, Dr. Talib Samat telah mengemukakan hujah-hujah balas kepada beberapa orang penulis yang pada masa itu cuba mengemukakan idea dan pandangan bahawa sastera dan agama tidak perlu dikaitkan. Malah penulis-penulis yang menggunakan nama seperti Mirzahizal Abdul Ghani dan Mohd Azri Ahmad cuba menghujahkan bahawa kegiatan penulisan kesusasteraan adalah merupakan kegiatan sekular (Lihat perbincangan lengkap mengenai ‘sekularisme’ dan ‘sekularisasi’ termasuk dalam kesusasteraan Melayu Islam dalam tulisan YM Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularisme*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia). Dr. Talib Samat juga menegaskan bahawa kesusasteraan jika menepati apa yang dianjurkan oleh al-Qur’an dan al-Sunnah maka ia mampu meningkatkan keimanan seorang Muslim bagi menyanggahi hujah Mohd Azri Ahmad (Talib Samat 1993: 254-255).

Menggunakan ayat-ayat al-Qur’an seperti Surah *al-Mā'idah*, ayat 3 yang bermaksud: “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu”. Berdasarkan ayat tersebut, Dr. Talib Samat menegaskan bahawa Islam sebagai agama yang syumul dan menyeluruh dalam apa sahaja perkara yang berkaitan dengan aktiviti kehidupan di alam ini termasuklah dalam aktiviti kesusasteraan, kerana tujuan kehidupan bagi seorang Muslim adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah. Hujah ini diperkemas lagi dengan perakuan setiap Muslim dalam solat mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam Surah *al-An'ām*, ayat 162 yang bermaksud: “Katakanlah: ‘Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.’” Beliau merumuskan:

Bagi golongan penulis, seniman dan karyawan Islam (Nota penulis: Lebih tepat digunakan istilah “Muslim” yang bermaksud “orang Islam”, ini kerana “Islam” adalah *al-Dīn* yang membawa maksud “cara gaya kehidupan yang menyeluruh”. Dalam kes di atas, sepatutnya adalah “Karyawan Muslim” bukan “Karyawan Islam”) yang benar-benar menghayati ucapan ini mereka tentunya akan berusaha menghasilkan teks-teks sastera sama ada dalam bidang puisi, novel, cerpen, drama, dan sebagainya yang boleh meningkatkan iman manusia.

Beliau kemudian menegaskan lagi bahawa melalui nas-nas daripada al-Qur’an dan sirah nabawiyyah (al-Sunnah) dalam karya-karya sastera ternyata mampu meningkatkan keimanan seseorang dan menyanggahi pandangan daripada kedua penulis yang disebut di atas kerana mengatakan bahawa bahan sastera Islam tidak boleh dipercayai dan tidak boleh meningkatkan keimanan khalayak pembacanya (Talib Samat 1993: 255).

Dr. Talib Samat kemudian berhujah dengan menggunakan Surah *al-Shu'arā'* ayat 224-227 bagi mengaitkan bagaimana Sirah Nabawiyyah membuktikan bahawa karya-karya sastera daripada para sasterawan dan penulis yang beriman akan juga menghasilkan karya-karya yang mampu meningkatkan keimanan pembaca, pendengar dan penontonnya. Karya-karya sebegini

diiktiraf dan diterima oleh Islam malah mengiktiraf sumbangan para penyair dan sasterawan yang mempunyai ciri-ciri orang yang beriman, beramal soleh, banyak menyebut nama Allah serta bersabar dengan penderitaan dan kezaliman. Antara daripada kalangan ini adalah Abdullah bin Rawahah r.a., Hassan bin Tsabit r.a. dan Kaab bin Malik r.a. (Talib Samat 1993: 256).

### **KEFAHAMAN TERHADAP AYAT 224-227**

Dr. Talib Samat kemudian memanjangkan perbincangan dengan mengangkat ayat 224-227 Surah *al-Shu'arā'* bagi memperkuat penghujahan beliau. Menurut beliau, melalui ayat-ayat tersebut boleh difahami bahawa Islam tidak memusuhi seni kesusasteraan. Malah jika karya-karya sastera dihasilkan oleh penulis yang mempunyai empat kualiti yang ditetapkan pada ayat 227, maka karya-karya yang lahir seterusnya dibaca oleh pembaca akan mampu meningkatkan keimanan seseorang. Sebaliknya, bagi sasterawan yang dinisbahkan sebagai “merayau-rayau di lembah-lembah” yang boleh dinisbahkan kepada sasterawan yang menghasilkan karya-karya lucu dan erotik, bukan sahaja tidak mempunyai empat ciri asas tersebut, malah melahirkan karya-karya yang akan melemahkan keimanan dan menyebabkan kemurkaan Allah (Talib Samat 1993: 256).

Sekali lagi, Dr. Talib Samat mematkan hujah yang mengatakan bahawa sastera tidak boleh dikaitkan dengan agama atau sastera yang mengandungi unsur agama adalah suatu pembohongan yang nyata. Islam tidak mengenyahkan sastera sebagaimana yang dihujahkan oleh Mirzahizal Abdul Ghani dan Mohd Azri Ahmad yang juga berhujahkan menggunakan al-Qur'an. Jelas al-Qur'an tidak menolak sastera, namun ayat 224-227 ini adalah untuk menjelaskan dan menjawab kepada kaum kafir Quraish yang mendakwa al-Qur'an adalah hasil sihir dan juga rekaan Nabi Muhammad ﷺ. Ayat-ayat 221-227 dalam surah ini menyucikan Nabi Muhammad ﷺ daripada tuduhan sebagai seorang tukang sihir dan juga seorang penyair yang mendapat sumber berita daripada jin dan iblis serta mampu mencipta ayat-ayat berupa syair yang didakwa sebagai wahyu Tuhan (Talib Samat 1993: 256).

### **KESIMPULAN**

Ternyata seni kesusasteraan adalah penting dari sudut kemanusiaan dan Islam sebagai *al-Din* atau cara gaya hidup yang sempurna. Tidak hairan mengapa seni kesusasteraan mendapat perhatian khas daripada Allah sehinggakan wujud satu surah khas atas nama para sasterawan iaitu Surah *al-Shu'arā'*. Ini mengambil kira bahawa, kesusasteraan bangsa Arab semenjak dari zaman jahiliyyah lagi adalah satu budaya yang menjadi akar umbi kepada identiti bangsa Arab yang kemudian diasimilasikan menjadi sebahagian daripada budaya dalam ketamadunan Islam itu sendiri.

Dr. Talib Samat ternyata berjaya menguasai mesej utama dalam ayat-ayat tersebut malah menjadikan hujah dan prinsip dalam kepengarangan dan juga membela keintiman antara sastera dan agama Islam. Justeru, menjadi satu kemestian bagi mana-mana karyawan dalam apa sahaja lapangan seni terlebih dahulu memahami dan menghayati mesej dalam ayat 221-227. Selain daripada itu, pembacaan yang mendalam bagi memahami sejarah perkembangan kesusasteraan Arab dari zaman jahiliyyah hingga ke zaman Islam boleh dirujuk daripada karya-

karya tulisan Osman Haji Khalid (1999) seperti *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam*, (1997) *Kesusasteraan Arab Zaman Abbasiah, Andalus dan Zaman Moden* dan (1997) *Kesusasteraan Arab di Perantauan*. Berdasarkan perbincangan tersebut, ternyata Dr. Talib Samat jelas dan memahami akan peranan sasterawan menurut kemahuan Allah ﷻ sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat-ayat tersebut.

## RUJUKAN

- Abdullah Muhamad Basmeih. (2013), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Abdullah Muhamamad. (2008), *Lubābu al-Tafsīr min Ibn Kathīr*, (terj. Bahasa Indonesia, *Tafsir Ibnu Kathir, Jilid 6*, oleh M. Abdul Ghoffar E.M dan Abu Ihsan al-Atsari), Jakarta: Pustaka Imam al-Syafi'i.
- Adil Muhammad Khalil. (2018), *Tadabbur Al-Qur'an: Menyelami Makna Al-Qur'an dari Al-Fatihah sampai An-Anas*, Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1993), *Islam and Secularisme*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia
- Hamka. (1982), *Tafsir Al-Azhar, Juzuk 19, Surat 26*, Jakarta: Pustaka Panjimas
- M. Quraish Shihab (2010), *Setan Dalam Al-Qur'an: Yang Halus & Tak Terlihat*, Jakarta: Lentera Hati
- Osman Khalid. (1997), *Kesusasteraan Arab di Perantauan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Osman Khalid. (1997), *Kesusasteraan Arab Zaman Abbasiah, Andalus dan Zaman Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Osman Khalid. (1999), *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosenberg, Jennifer. (2013). "History of the Nobel Prizes", dalam About.com Guide, <http://history1900s.about.com/od/medicaladvancesissues/a/nobelhistory.htm>, diambil pada 9 September.
- Talib Samat. (1993), *Di Sekitar Dunia Sastera dan Permasalahannya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Talib Samat. (2006), *Proses Kreatif dan Pengalaman Berkarya*, cetakan kedua 2008, Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu
- Talib Samat. 1990. "Anti-Teori: Hubungan Agama dan Kesusasteraan", dalam *Mingguan Malaysia*, 17 Jun 1990
- Tirmizi, Imam. (2012), *Syamil Muhammadiyah: Keanggunanmu Ya Rasulullah*, (terj. bahasa Melayu oleh Faslin Syarina Salim), Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1997), *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2007), *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Wikipedia, "Nobel Prize", [http://en.wikipedia.org/wiki/Nobel\\_Prize#First\\_prizes](http://en.wikipedia.org/wiki/Nobel_Prize#First_prizes), diambil pada 2 January 2021

Yusuf al-Qaradhawi. (1999), *Seni Dalam Islam*, (terj. oleh Mohd. Nazri Dollah), Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia